

## **SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR GRED N41**

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>TARAF JAWATAN</b>	<b>:</b>	<b>TETAP / KONTRAK</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>:</b>	<b>1</b>
<b>JADUAL GAJI (GRED N41)</b>	<b>:</b>	<b>P1T1 RM1469.81 - P1T27 RM4035.01</b> <b>P2T1 RM1552.09 - P2T27 RM4277.01</b> <b>P3T1 RM1638.00 - P3T27 RM4539.58</b>

### **1. SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institut-institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau  
(ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institut-institut pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: P1T3); atau  
(iii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institut-institut pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41:P1T4); atau
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **CARA MEMOHON**

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **BORANG BSLN 1/94 (Pindaan 2009)** yang boleh didapati secara percuma daripada Bahagian Khidmat Pengurusan BSLN atau boleh dimuat turun daripada laman web BSLN [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my) . Borang salinan pendua boleh digunakan.
2. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan yang berkelayakan yang diiktiraf oleh kerajaan serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan yang telah disahkan.
3. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 23cm x 30cm. Disudut sebelah kiri sampul hendaklah ditulis nama **jawatan yang dipohon**.

## **PERMOHONAN YANG DITOLAK**

Permohonan berikut akan ditolak tanpa diberi sebarang jawapan:-

- i. tidak menggunakan Borang **BSLN 1/94 (Pindaan 2009)**;
- ii. tidak disertakan gambar berukuran passport;
- iii. tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan dan tidak disahkan benar seperti salinan asal;
- iv. tidak lengkap dan tidak terang;
- v. tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan;
- vi. tidak menandatangani borang permohonan.

## **ALAMAT DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

- (a) Permohonan hendaklah disampaikan kepada;

Ketua Pengarah  
Balai Seni Lukis Negara  
No.2, Jalan Temerloh  
Off Jalan Tun Razak  
53200 Kuala Lumpur  
**(u.p: Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan))**

- (b) **Tarikh tutup : 8 Oktober 2010**

## **CATATAN AM**

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.